

PENYELESAIAN TERHADAP ISU PEMBINAAN AMENITI SOSIAL
KERAJAAN YANG DIBINA DI ATAS TANAH MILIK

MUHAMMAD AMIN BIN SAFIE

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
daripada syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

MAC 2021

DEDIKASI

Jutaan penghargaan dan terima kasih ditujukan buat isteri saya, Aizha Binti Ali atas sokongan tanpa berbelah bahagi, toleransi dan pengorbanan sepanjang saya melanjutkan pengajian di peringkat sarjana ini. Terima kasih kerana memahami tuntutan ilmu ini.

Buat anak-anak tersayang, Sufi Dameeya, Muhammad Sufyan Hadiff, Sufi Allysa, Sufi Aini Fathini dan Sufi Nur Imanie yang terpaksa bertoleransi dengan masa untuk bersama. Semoga hasil ini dapat memberi inspirasi dan menyuntik semangat kalian tentang kepentingan menuntut ilmu apabila meningkat dewasa dan mengharungi cabaran kehidupan mendatang.

Buat ayahbonda tercinta – Allahyarham Safie bin Sohor dan Allahyarhamah Noraini Binti Bahak, salam penuh kerinduan. Buat adik-beradik tercinta yang sentiasa memberi sokongan, semangat dan bantuan sepanjang mendepani cabaran dalam perjalanan pengajian sarjana ini.

Buat semua sahabat dan teman seperjuangan yang dikasihi, terima kasih atas semua sokongan, bantuan dan suntikan semangat yang diberikan tanpa mengira masa dan ketika.

Semoga Allah jua yang membalas jasa baik kalian semua dengan segala kebaikan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur hanya bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat dan salam junjungan ke atas Nabi Muhammad SAW. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T di atas segala limpah dan kurnia serta dengan izin-Nya, penulisan ini telah berjaya disiapkan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelia saya iaitu Dr. Norhidayah binti Md. Yunus yang paling banyak memberikan bimbingan, panduan dan galakan sepanjang penyediaan penulisan ini. Terima kasih atas suntikan semangat dan dorongan semasa mendepani cabaran dalam menyiapkan penulisan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Penyelaras Program Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) iaitu Dr. Siti Radiaton Adawiyah binti Zakaria dan semua pensyarah-pensyarah yang telah mencurahkan ilmu kepada saya dengan penuh komited, ikhlas dan sabar. Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada Dr. Robiah Binti Suratman dan Dr. Wan Ibrisam Fikry Bin Wan Ismail yang merupakan panel penilai semasa sesi pembentangan kajian akhir.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Bahagian Modal Insan atas penajaan Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa (HLPSB) yang diberikan kepada saya dari awal hingga tamat pengajian sarjana ini. Tidak dilupakan juga Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SUKPk); Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak (PTGPK); Unit Perancangan Bandar dan Desa, Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI); Jabatan Agama Islam Daerah Bagan Datuk dan kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Bagan Datuk atas kerjasama yang diberikan dalam penyaluran maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian ini. Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada semua responden yang terlibat dalam penulisan ini iaitu ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Komuniti Kampung (JPKK) di daerah Bagan Datuk PDT Bagan Datuk. Segala kerjasama dan komitmen yang diberikan amat dihargai sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Buat rakan-rakan seperjuangan MSc. LAD Pesisir Ipoh, Perak bagi Sessi 2019/2020 sekalian juga, tanpa kehadiran dan semangat kalian pastinya perjalanan ini sukar untuk ditempuhi. Semoga segala jasa dan pertolongan kalian dibalas oleh Allah dengan segala kebaikan dan rahmatNya.

ABSTRAK

Kemudahan ameniti sosial atau disebut juga kemudahan awam merupakan kemudahan tempat, bangunan atau prasarana yang penggunaannya dikongsi bersama serta menjadi tumpuan masyarakat setempat dan sekitarnya. Tanah terbahagi kepada 5 kumpulan utama iaitu tanah milik, tanah lombong, tanah rizab, tanah rizab hutan dan tanah kerajaan. Tanah milik merujuk kepada tanah yang mempunyai hakmilik secara berdaftar. Tanah kerajaan pula meliputi semua tanah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri tidak termasuk tanah rizab, tanah milik dan tanah rizab hutan. Kemudahan Projek Ameniti Sosial (PAMS) memberi seribu manfaat kepada masyarakat setempat untuk meningkatkan ekonomi hidup dan memudahkan urusan seharian mereka. Walaubagaimanapun, pembinaan PAMS di atas tanah hak milik akan menyebabkan berlakunya pelbagai pertikaian antara pihak kerajaan dan tuan tanah seterusnya menjejaskan pengurusan PAMS. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti kelemahan garis panduan dan tatacara pembinaan PAMS kerajaan di atas tanah milik di daerah Bagan Datuk, dengan menggunakan kaedah temubual semi struktur melibatkan Pengarah KPLB Negeri Perak, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Teluk Intan dan Ketua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar. Selain itu kaedah temu bual berstruktur melibatkan wakil Jawatankuasa Pengurusan Komuniti Kampung (JPKK), tuan tanah dan penduduk setempat juga dikendalikan. Di samping itu, tujuan kajian ini juga adalah untuk menyelesaikan pertikaian terhadap pemilikan/hak mutlak dan penyelenggaraan terhadap PAMS menggunakan data daripada jabatan Kerajaan Negeri Perak seperti Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) Negeri Perak, Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perak dan Majlis Agama Islam Dan Adat Resam Negeri Perak (MAIP). Hasil daripada kajian, kelemahan terhadap garis panduan pembinaan PAMS dikenalpasti sebagai punca permasalahan terhadap penentuan pemilikan mutlak dan penyelenggaraan terhadap binaan tersebut. Kajian ini dipercayai dapat menyediakan satu garis panduan pelaksanaan PAMS yang boleh digunapakai oleh setiap pentadbiran negeri atau daerah dan menjadi penyelesaian terhadap pertikaian yang berlaku.

ABSTRACT

Social amenity projects (PAMS) can be defined as facilities are facilities constructed at certain of places or land for the local community and the surrounding area can be utilized on sharing basis. Land is divided into 5 main groups, namely land ownership, mine land, reserve land, forest reserve land and government land. Owned land refers to land that is legally registered. Government land, on the other hand, covers all lands under the authority of the Federal Government or the State Government excluding reserve land, owned land and forest reserve land. The Facility of the Social Amenities Project (PAMS) provides a thousand benefits to the local community to improve the living economy and facilitate their daily affairs. However, the construction of PAMS on proprietary land will cause various disputes between the government and the landlord in turn affecting the management of PAMS. Therefore, this study was conducted to identify weaknesses in PAMS guidelines and procedures on land owned in Bagan Datuk district, using semi-structured interview methods involving Perak KPLB Director, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Teluk Intan and Chief Assistant District Officer, Kuala Kangsar District and Land Office. Besides, the structured interview method involving representatives of the Village Community Management Committee (JPKK), landlords and local residents was also conducted. In addition, the purpose of this study is also to resolve disputes on ownership / absolute rights and maintenance of PAMS using data from Perak State Government departments such as Perak Land and Minerals Office (PTG), Perak State Secretary's Office (SUK) and Religious Council Islam and Customs of Perak (MAIP). As a result of the study, weaknesses in the implementation and construction guidelines of PAMS were identified as the source of problems with the determination of absolute ownership and maintenance of the construction. This study is believed to provide a guideline for the implementation of PAMS that can be applied by each state or district administration and be a solution to disputes that occurs.

ISI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	ISI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI SIMBOL	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Penyataan Masalah	4
	1.3 Matlamat Kajian	7
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Skop Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.6.1 Pihak Berkuasa Negeri	9
	1.6.2 Pentadbiran Tanah dan Daerah	10
	1.6.3 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	10
	1.6.4 Pentadbiran Mukim/Kampung	10
	1.6.5 Ahli Akademik dan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi	11
	1.7 Metodologi Kajian	11
	1.7.1 Reka Bentuk Kajian	12
	1.7.1.1 Peringkat 1: Kajian Awalan	12

1.7.1.2	Peringkat 2: Kajian Literatur	13
1.7.1.3	Peringkat 3: Pengumpulan Data	14
1.7.1.4	Peringkat 4: Analisis Data	19
1.7.1.5	Peringkat 5: Kesimpulan dan Cadangan	20
1.8	Susun Atur Bab	21
1.8.1	Bab Satu	21
1.8.2	Bab Dua	21
1.8.3	Bab Tiga	21
1.8.4	Bab Empat	22
1.8.5	Bab Lima	22
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	23
2.1	Pendahuluan	23
2.2	Pelaksanaan PAMS Vs Status tanah	25
2.2.1	Tanah berstatus Tanah Adat/Tanah Orang Asli	26
2.2.2	Tanah Berstatus Tanah Wakaf	29
2.2.3	Tanah Berstatus Tanah Milik Persendirian/Individu	32
2.2.4	Tanah Berstatus Tanah Milik Kerajaan	34
2.3	Garis Panduan Pelaksanaan PAMS	34
2.3.1	Skop dan Komponen Projek PAMS	35
2.3.2	Kriteria Pemilihan Projek	36
2.3.3	Penyerahan Projek	37
2.4	Rumusan	37
BAB 3	KAWASAN KAJIAN	41
3.1	Pendahuluan	41
3.1.1	Daerah Bagan Datuk	41
3.1.2	Pentadbiran Mukim dan Pentadbiran Kampung	43
3.1.3	Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Bagan Datuk	45
3.1.4	Unit Pembangunan Fizikal, PDT Bagan Datuk	48
3.2	Rumusan	58

BAB 4	ANALISIS KAJIAN	59
4.1	Pengenalan	59
4.2	Analisis Kajian Temubual (Semi Struktur)	60
4.2.1	Tatacara dan Garis Panduan Pelaksanaan dan Penyelenggaraan PAMS	60
4.2.2	Punca berlaku pembinaan PAMS di atas tanah milik	64
4.2.3	Penyaluran peruntukan untuk tujuan pelaksanaan projek	66
4.2.3.1	Permohonan Awal	66
4.2.3.2	Tapisan syarat wajib permohonan	66
4.2.3.3	Kelulusan peringkat Kementerian dan penyaluran peruntukan	68
4.3	Analisis Kajian Temubual (Berstruktur)	68
4.3.1	Bahagian A - Latar Belakang Responden	68
4.3.2	Bahagian B - Infrastruktur sedia ada di dalam kawasan kajian	70
4.3.3	Bahagian C - Kategori tanah binaan PAMS	75
4.3.3.1	Kategori 1 – Binaan Balairaya, DOR, Dewan Serbaguna dan Dewan Terbuka	76
4.3.3.2	Kategori 2 - Binaan Masjid, Surau dan Tapak Perkuburan	78
4.3.4	Bahagian C1 & C2 - Garis panduan pelaksanaan PAMS	80
4.4	Cadangan penyelesaian dan penambahbaikan	85
4.5	Rumusan	89
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	91
5.1	Pengenalan	91
5.2	Penemuan Dan Pencapaian Objektif Kajian	91
5.2.1	Penemuan Dan Pencapaian Objektif Kajian Pertama	92
5.2.2	Penemuan Dan Pencapaian Objektif Kajian Kedua	93
5.3	Cadangan Kajian	96

5.4	Limitasi Kajian	97
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	98
5.6	Kesimpulan	99
RUJUKAN		101
LAMPIRAN		105

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1	Pelaksanaan PAMS di Malaysia Dari Tahun 2016 Hingga Tahun 2019	5
Jadual 1.2	Senarai responden Temu Bual Semi Struktur	15
Jadual 1.3	Struktur Bahagian Borang Temu Bual	15
Jadual 1.4	Senarai Responden Temu Bual Berstruktur	16
Jadual 1.5	Ciri-Ciri Kajian Kualitatif	20
Jadual 2.1	Skop Binaan dan Komponen PAMS	35
Jadual 3.1	Bilangan Jawatankuasa Sementara Pengurusan Kampung (JSPK).	44
Jadual 3.2	Bilangan Dewan Orang Ramai & Gerai PLB mengikut mukim	45
Jadual 3.3	Jumlah Binaan Ameniti Sosial di Daerah Bagan Datuk.	45
Jadual 3.4	Aktiviti bagi fungsi Unit Pembangunan Fizikal	49
Jadual 3.5	Tugas utama Unit Pembangunan Fizikal	51
Jadual 3.6	Pembahagian Proses Kerja Unit PLB, PDT Bagan Datuk.	52
Jadual 4.1	Pecahan peringkat umur responden mengikut mukim	69
Jadual 4.2	Pecahan tempoh pengalaman keterlibatan responden di dalam institusi pengurusan kampung mengikut mukim	70
Jadual 4.3	Isu-isu yang berkaitan dengan Binaan Ameniti Sosial Kategori 1	83
Jadual 4.4	Isu-isu yang berkaitan dengan Binaan Ameniti Sosial Kategori 2	85
Jadual 4.5	Cadangan penambahan kemudahan infrastruktur dan penambahbaikan garis panduan PAMS	87

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Lima Peringkat Kajian	12
Rajah 3.1	Peta Daerah Bagan Datuk	42
Rajah 3.2	Data Asas Keluasan, Bilangan Kampung dan Populasi Bagi Daerah Bagan Datuk	43
Rajah 3.3	Carta Organisasi PDT Bagan Datuk	46
Rajah 3.4	Carta Organisasi Unit Pembangunan Tanah & Pelupusan	47
Rajah 3.5	Carta Organisasi Unit pembangunan Fizikal	48
Rajah 3.6	Carta Aliran Proses Kerja Unit Pembangunan Fizikal PLB	57
Rajah 4.1	Carta Aliran Proses dan Penyelenggaraan PAMS	62
Rajah 4.2	Peringkat tapisan kelulusan Projek PAMS	67
Rajah 4.3	Binaan Ameniti Sosial bagi Mukim Hutan Melintang	71
Rajah 4.4	Binaan Ameniti Sosial bagi Mukim Rungkup	72
Rajah 4.5	Binaan Ameniti Sosial bagi Mukim Bagan Datuk	73
Rajah 4.6	Binaan Ameniti Sosial bagi Mukim Teluk Bharu	74
Rajah 4.7	Binaan Ameniti Sosial bagi Daerah Bagan Datuk	75
Rajah 4.8	Bilangan Binaan Kemudahan Awam Kategori 1 mengikut mukim	77
Rajah 4.9	Carta Peratusan Status Tanah bagi Ameniti Sosial Kategori 1	78
Rajah 4.10	Bilangan Binaan Kemudahan Awam Kategori 2 mengikut mukim	79
Rajah 4.11	Carta Peratusan Status Tanah bagi Ameniti Sosial Kategori 2	80

SENARAI SINGKATAN

ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri
APT	-	Akta Pengambilan Tanah
BKP	-	Bahagian Khidmat Pengurusan
CCC	-	<i>Certificate of Completion and Compliance</i>
DOR	-	Dewan Orang Ramai
DUN	-	Dewan Undangan Negeri
HLPSB	-	Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa
ICUJPM	-	Unit Pelaksanaan dan Pemantauan Projek, Jabatan Perdana Menteri
JAKIM	-	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAKOA	-	Jabatan Kemajuan dan Hal Ehwal Orang Asli
JKKK	-	Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung
JKPP	-	Jawatankuasa Penduduk dan Perumahan
JPPH	-	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
JPA	-	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPD	-	Jalan Perhubungan Desa
JPKK	-	Jawatankuasa Pengurusan Komuniti Kampung
JPPP	-	Jawatankuasa Penilaian dan Pemilihan Projek
JSPK	-	Jawatankuasa Sementara Pengurusan Kampung
JUEM	-	Jabatan Ukur dan Pemetaan
KEDA	-	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
KEJORA	-	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
KEMAS	-	Kebajikan Masyarakat
KESEDAR	-	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
KETENGAH	-	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
KPPD	-	Ketua Penolong Pegawai Daerah
KPLB	-	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
KTN	-	Kanun Tanah Negara
MAIN	-	Majlis Agama Islam Negeri
MAIP	-	Majlis Agama Islam dan Adat Resam Negeri Perak

MAIS	-	Majlis Agama Islam Negeri Selangor
MARA	-	Majlis Amanah Rakyat
MARRIS	-	<i>Malaysian Roads Records Information System</i>
MDBG	-	Majlis Daerah Batu gajah
MMK	-	Majlis Mesyuarat Kerajaan
MPKK	-	Majlis Pengurusan Komuniti Kampung
MPTI	-	Majlis Perbandaran Teluk Intan
NNMB	-	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
OSC	-	<i>One Stop Centre</i>
PAMS	-	Projek Ameniti Sosial
PBN	-	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PDT	-	Pejabat Daerah & Tanah
PERDA	-	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang
PIA	-	Projek Infrastruktur Awam
PIAS	-	Projek Infrastruktur Asas
PJ	-	Penolong Jurutera
PKN	-	Pegawai KPLB Negeri
PLB	-	Pembangunan Luar Bandar
PMR	-	Projek Mesra Rakyat
PPD	-	Penolong Pegawai Daerah
PT	-	Pembantu Tadbir
PTG	-	Pejabat Tanah dan Galian
PTGPk	-	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak
PTP	-	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
RMK	-	Rancangan Malaysia Ke
SUHAKAM	-	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
SUK	-	Setiausaha Kerajaan Negeri
SUKPk	-	Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
TOL	-	Lesen Pendudukan Sementara
YB	-	Yang Berhormat
YDP	-	Yang Di Pertua

SENARAI SIMBOL

kps - Kaki Persegi

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Surat Maklumbalas ke SUK Perak Berkaitan Senarai PAMS di Daerah Bagan Datuk	105
Lampiran B	Garis Panduan Pelaksanaan PAMS KPLB	113
Lampiran C	Surat panggilan Mesyuarat PAMS Daerah Bagan Datuk	144
Lampiran D	Borang Temu Bual	149
Lampiran E	Permohonan Senarai Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan Program Ameniti Sosial (PAMS)	155

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pencapaian kemajuan bagi sesebuah negara diukur dari pelbagai sudut seperti kewangan, kemajuan teknologi, pendidikan dan lain-lain. Kesimbangan perlu dititikberatkan bagi sesebuah negara yang ingin mencapai status negara maju seperti keseimbangan dari segi kelestarian alam sekitar, kewangan negara dan kesejahteraan penduduk. Dalam kesibukan mengejar transformasi kemodenan, kawasan luar bandar sering kali dipinggirkan dan dipandang mudah. Walhal, pembangunan luar bandar tidak boleh diketepikan dan harus dimajukan seiring pemodenan di kawasan bandar. Pada tahun 1957, Tun Abdul Razak iaitu perdana menteri Malaysia yang pertama telah memperkenalkan Rancangan Transformasi Pembangunan Luar Bandar Pertama. Rancangan tersebut telah diperkenalkan oleh beliau bertujuan untuk pembangunan prasarana dan kemudahan fizikal kepada masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar. Melalui rancangan ini juga dapat memastikan penduduk di luar bandar dapat berkembang seiring dengan penduduk luar bandar ke arah mencapai kemajuan dan kesejahteraan hidup [Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), 2020].

Transformasi luar bandar dengan matlamat membangunkan prasarana fizikal dan menyediakan kemudahan asas kepada penduduk luar bandar sentiasa menjadi keutamaan kepada KPLB dalam memastikan kelompok ini tidak tertinggal dalam pembangunan negara. Tambahan pula, sebuah rancangan bertajuk Rancangan Buku Merah (*RED Book*) telah dilancarkan pada 6 Mei 1960, yang bertujuan untuk memastikan proses pembangunan di semua kawasan luar bandar adalah selari di seluruh negara. Pembangunan prasarana atau kemudahan ameniti sosial di kawasan luar bandar juga perlu merangkumi tiga peringkat iaitu Peringkat Pusat, Negeri dan Peringkat Daerah. Di samping itu, Tun Mahathir juga telah melancarkan ‘Halacara Baru Dalam Pembangunan Kampung dan Luar Bandar’ pada 10 Jun 1984, yang mana

ianya merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan taraf ekonomi masyarakat di luar bandar secara menyeluruh. Malah, pembangunan ekonomi kawasan luar bandar juga telah mendapat perhatian kerajaan sejak tahun 1956 melalui Rancangan Malaysia Pertama.

Kemudahan ameniti sosial atau disebut juga kemudahan awam merupakan kemudahan tempat, bangunan atau prasarana yang penggunaannya dikongsi bersama serta menjadi tumpuan masyarakat setempat dan sekitarnya. Penyediaan kemudahan ameniti sosial yang sempurna dan lengkap menjadi satu keperluan asas di dalam sesebuah kampung atau kawasan penempatan bagi kegunaan masyarakat untuk menjalankan kegiatan dan fungsi sosial. Khususnya dalam membentuk kehidupan bermasyarakat yang bersatu padu, harmoni, maju, dinamik dan progresif. Skop program ameniti sosial memberi tumpuan kepada beberapa jenis projek yang terpilih dan dikenalpasti menjadi keperluan utama serta mustahak untuk dibangunkan di dalam sesebuah kampung. Skop program ameniti sosial adalah mencakupi 3 kategori/jenis projek iaitu kemudahan pengurusan desa/pengurusan desa/pendidikan; kemudahan rekreasi/riadah; kemudahan prasarana lain-lain. Antara contoh kemudahan pengurusan desa/pendidikan adalah seperti dewan orang ramai/balai raya, bangunan/bilik gerakan, tempat beribadat, pusat gunasama dan pusat sumber/komputer. Kemudahan rekreasi/riadah pula melibatkan kawasan padang permainan, gelanggang permainan, taman kanak-kanak, taman rekreasi dan laluan pejalan kaki (*pedestrian walk*). Kategori prasarana lain-lain pula adalah seperti kemudahan tempat letak kereta, tandas awam, wakaf serta pondok menunggu bas/teksi. Tambahan pula, kategori itu juga meliputi kemudahan seperti saluran parit utama, longkang, jeti, tapak pasar tani/sehari dan medan selera.

Sehubungan dengan itu, sebuah perlaksanaan yang terperinci diperlukan untuk memastikan matlamat ini dapat dicapai secara optimis. Status lokasi tanah bagi sesuatu pembinaan Projek Ameniti Sosial (PAMS) yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan seharusnya disemak terlebih dahulu samaada tanah tersebut merupakan tanah hak milik persendirian atau kerajaan. Terdapat beberapa panduan yang perlu diteliti dan dipatuhi oleh pihak-pihak yang terlibat sebelum kerja-kerja pembinaan PAMS dilakukan. Di antara panduan yang perlu diperhalusi dan dipatuhi adalah

'tatacara/garis panduan sebelum, semasa dan selepas pembinaan'. KPLB telah menetapkan satu garis panduan khusus terhadap setiap permohonan PAMS di kawasan luar bandar. Salah satu daripada garis panduan yang berkait rapat dengan tajuk kajian adalah penentuan status tanah. Projek-projek yang melibatkan premis bangunan seperti dewan serbaguna, balairaya dan sebagainya hendaklah dibina atas tanah yang didaftarkan di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan sebarang pengecualian daripada kriteria di atas mestilah mendapat kelulusan KPLB atau mana-mana kawasan yang difikirkan sesuai oleh Yang Berhormat (YB) Menteri. Ketidakpatuhan terhadap panduan ini akan menyebabkan berlakunya permasalahan.

Namun demikian, pembinaan PAMS di atas tanah milik masih berlaku kerana pada peringkat awalnya PAMS tersebut di bina dengan persetujuan pemilik asal tanah tersebut. Terdapat beberapa kesan atau impak yang perlu dihadapi sekiranya PAMS dibina di atas tanah hak milik penduduk. Sungguhpun kebenaran daripada pemilik asal telah diperolehi melalui borang persetujuan Akuan Sumpah Am 80 atau borang-borang lain yang dikeluarkan oleh KPLB, tetapi berlaku masalah apabila pemilik asal meninggal dunia dan perubahan nama pemilik berlaku melalui proses pusaka kecil yang akan memindah nama kepada waris kadim. Seksyen 340, Kanun Tanah Negara (KTN 1965) menjelaskan bahawa '*pendaftaran untuk memberi hakmilik atau kepentingan yang tak boleh disangkal kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu*'. Pemilik terkini di atas suratan hakmilik bertegas tetap menyatakan kuasa penuh terhadap setiap binaan di atas tanah milik adalah milikan mutlak mereka. Maka, berlakulah perebutan kuasa hak mutlak, hak urusaniaga dan hak selenggaraan binaan tersebut. Perebutan kuasa ini dilihat akan memberikan impak negatif dari segi sosial, ekonomi dan lain-lain.

Impak sosial kesan daripada perebutan kuasa terhadap pengurusan binaan ameniti sosial ini akan menyebabkan pertelingkahan boleh berlaku di antara penduduk setempat. Yang secara tidak langsung menjejaskan kesepakatan dan kerukunan tetangga. Pengurusan binaan ameniti sosial semasa zaman pemerintahan kerajaan terdahulu diurustadbir oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) beralih kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) semasa era

kerajaan gantian telah sedikit menjejaskan kerukunan sedia ada yang telah lama terjalin.

Dalam masa yang sama, masalah ini juga akan memberi impak terhadap sektor ekonomi apabila terdapatnya binaan PAMS yang boleh mendatangkan sumber ekonomi kepada pemilik. Pemilik iaitu pemegang lot tanah mempunyai kuasa untuk mentadbir urus atau membuat urusniaga ke atas binaan tersebut. Perebutan bagi mendapatkan pertambahan sumber ekonomi ini akan membuatkan salah satu pihak sahaja yang akan mendapat faedah dan satu pihak lagi akan terpaksa melepaskan peluang yang ada. Secara tidak langsung ianya akan menjurus kepada impak negatif dari sudut sosiologinya.

Perebutan kuasa juga akan memberi kesan dari sudut perundangan. Perebutan atau pertikaian yang berlaku berkemungkinan berpanjangan sehingga mengakibatkan implikasi perundangan apabila salah satu pihak yang akan memfailkan saman atau tuntutan hak mutlak terhadap binaan PAMS di atas tanah yang berkaitan. Pemilik tanah mempunyai kuasa bagi menuntut hak milik tanah mereka. Tuntutan terhadap ketidakpuasan hati terhadap jumlah bayaran pampasan juga berkemungkinan akan berlaku sekiranya pihak kerajaan menggunakan kaedah pengambilan balik tanah dibawah Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 bagi mengatasi masalah pemilikan tanah yang terlibat. Hal ini seterusnya akan menjejaskan operasi PAMS dan aktiviti masyarakat yang menggunakan kemudahan tersebut.

1.2 Penyataan Masalah

Tujuan PAMS adalah tidak lain dan tidak bukan sebagai penyediaan atau penyelenggaraan kemudahan awam untuk dikongsi bersama penduduk supaya menjadi tempat tumpuan masyarakat setempat secara harmoni. Untuk tujuan PAMS, sepanjang tahun 2016 hingga 2019, kerajaan telah melaksanakan 3,121 projek yang memberikan manfaat kepada lebih kurang 780,250 orang penduduk di seluruh Malaysia. 338 projek daripadanya memberi manfaat kepada lebih kurang 84,500 orang penduduk di dalam

Negeri Perak. Jadual 1.1 menunjukkan Laporan daripada KPLB tentang pelaksanaan PAMS di Malaysia bagi tempoh 4 tahun berdasarkan 13 buah negeri.

Jadual 1.1 Pelaksanaan PAMS di Malaysia Dari Tahun 2016 Hingga Tahun 2019

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR Program KPLB - Program Ameniti Sosial (PAMS)								
Program Ameniti Sosial (PAMS)								
NEGERI	2016		2017		2018		2019	
	Bilangan Projek	Bilangan Penerima Faedah	Bilangan Projek	Bilangan Penerima Faedah	Bilangan Projek	Bilangan Penerima Faedah	Bilangan Projek	Bilangan Penerima Faedah
Johor	80	20,000	108	27,000	8	2,000	33	8,250
Kedah	111	27,750	72	18,000	4	1,000	54	13,500
Kelantan	184	46,000	184	46,000	19	4,750	55	13,750
Melaka	33	8,250	47	11,750	7	1,750	27	6,750
N. Sembilan	45	11,250	90	22,500	4	1,000	32	8,000
Pahang	81	20,250	158	39,500	17	4,250	89	22,250
P. Pinang	28	7,000	31	7,750	1	250	25	6,250
Perak	132	33,000	130	32,500	15	3,750	61	15,250
Perlis	18	4,500	3	750	-	-	32	8,000
Selangor	91	22,750	61	15,250	9	2,250	68	17,000
Terengganu	42	10,500	61	15,250	11	2,750	83	20,750
Sabah	169	42,250	211	52,750	76	19,000	76	19,000
Sarawak	61	15,250	66	16,500	3	750	15	3,750
Jumlah	1,075	268,750	1,222	305,500	174	43,500	650	162,500

Sumber : Bahagian Prasarana KPLB

Peruntukan PAMS yang disalurkan kepada negeri-negeri di Malaysia dilaksanakan oleh agensi-agensinya pelaksana yang telah dikenalpasti seperti Pejabat KPLB Negeri, Bahagian Pembangunan Luar Bandar (PLB) Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Pejabat Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pejabat Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Institut Kemajuan Desa (INFRA), Lembaga Kemajuan Wilayah kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA).

Dalam merencanakan pembangunan PAMS ini, KPLB telah menyediakan garis panduan dan tatacara pelaksanaan projek. Syarat utama pelaksanaan projek ini adalah pengesahan pemilikan tanah. PAMS hanya dibenarkan dilaksanakan di atas tanah milik Kerajaan Persekutuan, tanah milik Kerajaan Negeri dan tanah milik individu dengan persetujuan tuan tanah dengan kelulusan pengurusan KPLB. Tanah

tapak PAMS ini juga mestilah tanpa sebarang sekatan. Jika diperhatikan, kelonggaran syarat status tapak pelaksanaan PAMS yang membenarkan projek diteruskan di atas tanah milik individu dengan persetujuan tuan tanah inilah merupakan banyak terjadinya pembinaan PAMS di atas tanah milik yang bukannya milik kerajaan.

Permasalahan perebutan kuasa pemilikan mutlak ke atas binaan PAMS di atas tanah milik berlaku apabila berlakunya kematian pemilik asal yang memberikan kebenaran pelaksanaan PAMS di atas tanah miliknya semasa pemilik tersebut masih hidup. Apabila selesai urusan Pusaka Kecil, pewaris menuntut hak pemilikan ke atas segala binaan di atas tanah berkaitan bersesuaian dengan Seksyen 340, KTN 1965 yang menjelaskan bahawa '*pendaftaran untuk memberi hakmilik atau kepentingan yang tak boleh disangkal kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu*'. Pemilik terkini di atas suratan hakmilik bertegas tetap menyatakan kuasa penuh terhadap setiap binaan di atas tanah adalah milikan mutlak mereka.

Selain itu, kemelut peralihan kuasa tampuk pemerintahan di dalam negara yang berlaku telah menampakkan perebutan ke atas hak penjagaan balairaya dan dewan orang ramai di peringkat kampung-kampung. Kemelut yang berlaku telah menimbulkan pertikaian terhadap hak pemilikan mutlak binaan PAMS berkaitan. Ada di antara JKKK Perak yang bertegas menyatakan bahawa binaan tersebut didirikan semasa kerajaan pemerintah ketika itu, sedangkan Akta KTN 1965, jelas menyatakan bahawa kuasa ke atas segala bentuk binaan di atas tanah adalah tertakluk kepada kuasa pemilik tanah. Pada peringkat awalan, ada sesetengah JKKK yang mengeluarkan segala aset yang tersedia di dalam balairaya atau dewan orang ramai. Ianya bagi mengelakkan MPKK baru yang dilantik oleh kerajaan kerajaan gantian bagi mentadbir urus kampung-kampung di dalam Negeri Perak daripada menggunakan aset-aset tersebut. Pada ketika itu, kemelut yang sama juga berlaku di sesetengah kalangan jawatankuasa masjid dan surau di mana berlakunya perebutan kuasa penjagaan aset-aset di dalam masjid atau surau berkaitan.

Kemelut ini berlaku sekali lagi ketika berlakunya peralihan kuasa tampuk pemerintahan kerajaan negeri sekali lagi pada bulan Mac 2020 di mana kuasa

pemerintahan beralih kepada kerajaan baru. Siri pergolakan dan pertikaian terhadap hak penjagaan binaan PAMS dan aset-aset di dalamnya ini berulang kembali.

Menyedari pertikaian ini, Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perak telah mengeluarkan arahan kepada semua Pegawai Daerah supaya mengemukakan maklumat lengkap status tanah ke atas setiap dewan serbaguna dan dewan orang ramai dan surat maklum balas daripada PDT Bagan Datuk yang berkaitan adalah seperti di Lampiran A. Dalam masa yang sama, Jabatan Agama Islam Perak (JAIP) juga telah mengarahkan Pentadbir Agama di setiap daerah mengemukakan maklumat lengkap berserta status tanah bagi semua masjid, surau dan tanah tapak perkuburan untuk tujuan penyelesaian pemilikan tanah dan tindakan pewartaan di bawah Seksyen 62, KTN 1965.

Oleh yang demikian, timbul persoalan kajian iaitu, Apakah kelemahan garis panduan dan tatacara pembinaan PAMS di atas tanah milik? Dan bagaimanakah kaedah terbaik untuk menyelesaikan pertikaian terhadap pemilikan atau hak mutlak dan penyelenggaraan terhadap PAMS kerajaan yang dibina di atas tanah milik?

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat utama kajian ini diadakan adalah bagi menyelesaikan masalah terhadap pertikaian pemilikan mutlak dan penyelenggaraan terhadap binaan PAMS kerajaan yang dibina di atas tanah milik untuk kemudahan awam penduduk di dalam Negeri Perak amnya dan di dalam daerah Bagan Datuk khususnya.

1.4 Objektif Kajian

Terdapat dua (2) objektif kajian yang diberi penekanan dalam memastikan matlamat kajian dapat dicapai sepenuhnya. Antara objektif kajian adalah seperti berikut:

- a) Mengenalpasti kelemahan garis panduan dan tatacara pembinaan PAMS di atas tanah milik.
- b) Mengkaji penyelesaian pertikaian terhadap pemilikan/hak mutlak dan menyelenggaraan terhadap PAMS kerajaan yang dibina di atas tanah milik.

1.5 Skop Kajian

Daerah Bagan Datuk merupakan daerah ke dua belas diwujudkan di dalam negeri Perak. daerah Bagan Datuk ini telah diisytiharkan sebagai sebuah daerah pada tarikh 09 Januari 2017 oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak. Sebelum penubuhan daerah Bagan Datuk, keseluruhan kawasan di dalam daerah Bagan Datuk ini pada awalnya adalah di bawah pentadbiran Daerah Hilir Perak.

Kajian ini dilaksanakan di PDT Bagan Datuk memandangkan terdapat beberapa isu pertikaian pemilikan/hak mutlak binaan PAMS di kawasan ini. Daerah Bagan Datuk dipilih sebagai kawasan kajian kerana daerah ini merupakan daerah baharu di Negeri Perak dan banyak projek PAMS yang baru bagi memajukan daerah ini. Kajian ini memfokuskan projek PAMS Daerah Bagan Datuk khususnya prasarana seperti balairaya, dewan orang ramai (DOR), dewan serbaguna, dewan terbuka, masjid, surau dan tapak perkuburan. Kebanyakan pemilik tanah bagi tanah yang atasnya dibangunkan projek tersebut dipunyai oleh pemilikan individu.

Walau bagaimanapun, masih belum ada satu kajian khusus mengenai penyelesaian isu pertikaian pemilikan/hak mutlak binaan PAMS di kawasan ini. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada pengenalpastian kelemahan garis panduan dan tatacara pembinaan PAMS di atas tanah milik. Di samping itu, kajian ini juga dilakukan untuk mengkaji kaedah terbaik bagi menyelesaikan pertikaian berkenaan isu pemilikan/hak mutlak dan penyelenggaraan terhadap PAMS kerajaan yang dibina di atas tanah milik di Daerah Bagan Datuk.

Terdapat beberapa kaedah yang digunakan untuk memperoleh data kualitatif, kaedah temu bual bersama tuan tanah dan penduduk Bagan Datuk adalah salah satu kaedah yang boelh digunapakai. Selain itu, pengkaji juga mendapatkan data kuantitatif seperti statistis kes pertikaian PAMS di atas tanah milik yang berlaku di Bagan Datuk. Data-data statistik atau dokumen, garis panduan dan prosedur tersebut diperolehi daripada beberapa jabatan kerajaan seperti Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Perak, Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perak serta Pegawai di Pejabat Majlis Agama Islam dan Adat Resam Negeri Perak (MAIP).

1.6 Kepentingan Kajian

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi faedah dan manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat supaya perhatian serius dapat diberikan terhadap penyelesaian berkaitan pertikaian isu pemilikan hakiki binaan PAMS di atas tanah milik dan penetapan badan atau organisasi yang sepatutnya bertanggungjawab untuk menyelenggara binaan PAMS tersebut. Kajian ini dilihat dapat membantu dan memberi faedah kepada pihak-pihak tertentu sebagaimana berikut:

1.6.1 Pihak Berkuasa Negeri

Kajian ini diharap dapat membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dalam mengemaskini kaedah pengurusan dan kawalan aset-aset kerajaan yang dibina melalui PAMS di samping penjanaaan pendapatan melalui sewaan ke atas penggunaan binaan yang berkaitan. Daripada analisis kajian ini, boleh digunakan oleh PBN untuk menggubal dasar dan pekeliling berkaitan bagi meningkatkan lagi kecekapan pengurusan. Selain itu, strategi dan pendekatan yang lebih menyeluruh dapat dirancang bagi mengatasi kelemahan kaedah dan tatacara sedia ada terhadap pelaksanaan PAMS sebelum, semasa dan selepas dilaksanakan. Kajian ini juga secara tidak langsung akan dapat mengelakkan pertikaian pemilikan binaan PAMS sungguhpun berlakunya perubahan pada tampuk kepimpinan negeri.

1.6.2 Pentadbiran Tanah dan Daerah

Melalui kajian ini, Pentadbiran Tanah dan Daerah melalui Unit PLB diharap dapat memahami dan menjadikan kajian ini sebagai panduan dan asas penambahbaikan terhadap kaedah pelaksanaan PAMS sebelum, semasa dan selepas dilaksanakan dan secara tidak langsung dapat memastikan tiada sebarang pertikaian pemilikan dan penyelenggaraan ke atas setiap binaan PAMS di dalam daerah dengan lebih berkesan. Kajian ini juga diharap dapat membantu Pentadbiran Tanah dan Daerah dalam mencapai sasaran agihan pembangunan ke kumpulan sasar.

1.6.3 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Terdapat juga binaan PAMS yang dibina di dalam kawasan luar bandar yang mana kawasan tersebut diselenggara oleh PBT. Oleh yang demikian, kajian ini dipercayai dapat memenuhi syarat oleh PBT yang menetapkan hanya status tanah yang diwartakan akan diselenggara. Ianya secara tidak langsung dapat menyelesaikan pertikaian penyelenggaraan terhadap binaan PAMS tersebut terutamanya dewan orang ramai yang selama ini diselenggara dengan kurang berkesan. Kajian ini secara tidak langsung juga dapat meningkatkan hasil PBT bagi kes-kes tanah kerajaan di bawah pemilikan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri yang diselenggara oleh PBT dalam dan merancang kemajuan serta pembangunan dengan lebih efektif untuk kepentingan rakyat.

1.6.4 Pentadbiran Mukim/Kampung

Kajian ini diharap dapat meningkatkan kecekapan pengurusan terhadap binaan PAMS milik kerajaan di dalam sesebuah mukim atau kampung. Tanpa adanya pertikaian terhadap pemilikan mutlak sesebuah binaan dan dengan adanya penyelenggaraan yang berkesan terhadap binaan tersebut akan menghasilkan keharmonian sosial di samping meningkatkan kecekapan pengurusan di dalam

komuniti secara tidak langsung sungguhpun berlakunya perubahan kepada tampuk pemerintahan negeri atau persekutuan.

1.6.5 Ahli Akademik dan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi

Kajian ini diharapkan dapat membantu ahli akademik untuk memahami punca-punca pertikaian terhadap kuasa mutlak ke atas binaan PAMS oleh kerajaan di atas tanah milik di samping mengenalpasti penyelesaian terhadap kaedah yang paling berkesan pelaksanaan setiap PAMS.

1.7 Metodologi Kajian

Mengikut Ang Kean Hua (2016), metodologi merujuk kepada kaedah yang diguna pakai untuk menjawab persoalan-persoalan kajian dari proses awal pengutipan dan pengumpulan data. Sesebuah kajian haruslah mempunyai rangka kerja yang lengkap bagi mencapai objektif kajian termasuklah bahagian metodologi. Metodologi kajian adalah sangat penting dalam proses mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data untuk digunakan sebagai bukti kukuh dalam menjawab persoalan kajian. Malah, pengkaji juga dapat memberi gambaran secara jelas setiap proses pembikinan kajian dari awal hingga akhir. Metodologi kajian ini terbahagi kepada 5 peringkat kajian.

1.7.1 Reka Bentuk Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan lima (5) peringkat utama seperti Rajah 1.1 seperti di bawah.



Rajah 1.1 Lima Peringkat Kajian

Sumber: Olahan Pengkaji (2021)

1.7.1.1 Peringkat 1: Kajian Awalan

Pada peringkat pertama, pengkaji memberi penerangan ringkas mengenai kajian yang ingin dilakukan. Peringkat ini melibatkan proses awal dalam pembikinan sesebuah kajian yang dijalankan seperti pernyataan masalah, matlamat kajian, objektif

kajian, kepentingan kajian dan metodologi kajian. Peringkat ini adalah sangat penting bagi memahami sebab mengapa pengkaji ingin menjalankan kajian mengenai sesuatu isu dan kaedah yang perlu digunakan untuk melaksanakannya. Pengkaji juga menentukan skop kajian bagi memastikan kajian dilakukan dengan lebih tepat pada kawasan atau responden tertentu. Fokus kajian ini adalah untuk mengenalpasti kelemahan garis panduan dan tatacara pembinaan PAMS di atas tanah milik. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk menyelesaikan pertikaian terhadap pemilikan/hak mutlak dan penyelenggaraan terhadap PAMS kerajaan yang dibina di atas tanah milik. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dalam penghasilan kajian. Menurut Chua Yan Piaw (2014), pendekatan kualitatif merangkumi data *numerical* dan ketepatan yang mana memerlukan penyelidikan dibuat melalui kajian eksperimental dan data numerikal menggunakan ujian statistik seperti kaedah temu bual berstruktur.

1.7.1.2 Peringkat 2: Kajian Literatur

Peringkat kedua ini mengulas mengenai kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan isu pertikaian PAMS. Kajian literatur adalah panduan penting bagi pengkaji untuk memahami tajuk kajian yang dipilih dengan lebih mendalam. Selain itu, pengkaji juga dapat menggunakan maklumat yang diperolehi daripada pembacaan bahan ilmiah untuk menyokong pernyataan masalah dalam kajian ini. Antara maklumat yang dapat membantu kajian ini adalah seperti definisi serta jenis PAMS dan kategori tanah. Selain itu, peringkat ini juga sangat penting dalam menerangkan isu dan punca berlakunya pertikaian PAMS di Malaysia. Di samping itu, pengkaji juga perlu mengetahui undang-undang atau akta yang diperuntukkan bagi hal-hal berkaitan tanah. Pengkaji juga boleh merujuk kaedah-kaedah kajian yang sesuai digunakan bagi memastikan matlamat dan objektif kajian ini dapat dicapai. Sebagai contoh, pengkaji dapat mengetahui sasaran golongan yang sesuai dijadikan responden temu bual dan bentuk soalan yang berstruktur semasa temubual dijalankan.

1.7.1.3 Peringkat 3: Pengumpulan Data

Peringkat ketiga adalah berkaitan proses-proses pengumpulan data yang dilakukan oleh pengkajian dalam kajian ini. Data yang digunakan adalah data primer dan sekunder. Data primer adalah data yang diperolehi daripada sumber asal, asli atau pertama. Data primer diperolehi sendiri oleh pengkaji sewaktu melakukan kajian. Contoh data primer adalah kaedah pemerhatian dan temu bual. Data Primer dan Data Sekunder yang berkaitan dengan kajian ini dapat diperincikan seperti berikut:

a) Data Primer

i. Analisis Dokumentasi

Analisis dokumentasi digunakan bagi mendapatkan data untuk mencapai objektif pertama. Pengkaji telah menggunakan kaedah analisis dokumen untuk mengenalpasti kelemahan garis panduan dan tatacara pembinaan PAMS di atas tanah milik. Dokumen tersebut diperolehi daripada Pejabat KPLB Negeri Perak. Garis panduan yang dikaji adalah seperti di Lampiran B.

ii. Temu Bual – Semi Struktur

Kaedah temu bual merupakan cara untuk memperoleh maklumat dan data secara percakapan dengan seseorang individu mengenai keadaan semasa atau masa lalu yang berkaitan dengan kajian. Jadual 1.2 menunjukkan butiran soalan-soalan umum yang ditanyakan semasa temu bual dijalankan. Oleh itu, pengkaji telah menjalankan temu bual terhadap 3 orang responden yang dipilih seperti di dalam Jadual 1.2. Pemilihan 3 responden ini adalah berdasarkan kaitan rapat tugas responden dengan pelaksanaan PAMS di bahagian masing-masing.

Jadual 1.2 Senarai responden Temu Bual Semi Struktur

Responden	Nama	Jawatan	Tempat Bertugas
RS 1	Encik Muhammad Faizal Shah bin Safian Suri	Pengarah	Pejabat KPLB Negeri Perak
RS 2	Encik Ismail bin Ibrahim	Yang Di Pertua	Majlis Perbandaran Teluk Intan
RS 3	Puan Hasmonaliza binti Hassan Basri	Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar

Sumber: Olahan Pengkaji (2021)

Sesi temu bual itu telah diadakan pada 21 Januari, 22 Januari dan 26 Januari 2021 masing-masing. Ianya berlangsung selama lebih kurang 40 minit hingga 1 jam bagi setiap sesi. Melalui temu bual tersebut, pengkaji telah memperoleh maklumat mengenai kajian berdasarkan soalan dalam borang temu bual secara umum seperti di dalam jadual 1.3. Borang temu bual terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Soalan Bahagian A adalah berkaitan dengan latar belakang responden manakala Bahagian B pula adalah Garis Panduan Perlaksanaan PAMS. Soalan Bahagian C pula adalah mengenai proses penyaluran peruntukan pembinaan PAMS bagi setiap daerah di Negeri Perak. Semua maklumat yang diperoleh daripada sesi temu bual telah dirakam dan direkodkan oleh pengkaji.

Jadual 1.3 Struktur Bahagian Borang Temu Bual

Bahagian	Struktur Topik
Bahagian A	Latar Belakang Responden
Bahagian B	Garis Panduan Perlaksanaan PAMS
Bahagian C	Proses penyaluran peruntukan pembinaan PAMS bagi setiap daerah di Negeri Perak

Sumber: Pengkaji (2021)

iii. Temu Bual – Berstruktur

Kaedah temu bual berstruktur adalah salah satu kaedah yang sering kali digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data mengenai kajian yang dijalankan. Kaedah ini dijalankan dengan meminta responden untuk menjawab soalan berdasarkan borang temubual secara berhadapan. Kajian yang dilaksanakan ini mendapat bantuan dan sokongan Unit Pembangunan Luar Bandar (PLB) Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk di mana satu arahan pertemuan pengkaji bersama seorang wakil dari setiap kampung di dalam daerah Bagan Datuk dikeluarkan oleh Unit PLB sepertimana surat Mesyuarat PAMS Daerah Bagan Datuk seperti di Lampiran C. Oleh yang demikian, pengkaji memilih seorang wakil Jawatan Sementara Pengurusan Kampung (JSPK) bagi setiap kampung di Daerah Bagan Datuk iaitu seramai 49 orang sahaja (Jadual 1.4) sebagai responden. Soalan temu bual yang dibina adalah memfokuskan kepada bilangan serta isu-isu PAMS yang terdapat di setiap kampung.

Jadual 1.4 Senarai Responden Temu Bual Berstruktur

RESPONDEN	MUKIM	KAMPUNG
R 1	Hutan Melintang	Kampung Hutan Melintang
R 2		Kampung Tanjung Bayan
R 3		Kampung Sungai Pulau
R 4		Kampung Parit 11
R 5		Kampung Sungai Keli / Kampung Kota
R 6		Kampung Bagan Lalang
R 7		Kampung Sungai Sumun 1
R 8		Kampung Teluk Buloh
R 9		Kampung Bagan Parit 4
R 10		Kampung Teluk Kerdu
R 11		Kampung Sungai Manila
R 12		Kampung Sungai Samak
R 13		Kampung Sungai Sumun 2
R 14		Kampung Simpang 4, Hutan Melintang
R 15		Kampung Pulau Ganda Suli

R 16	Rungkup	Kampung Simpang Tiga
R 17		Kampung Bagan Pasir Laut
R 18		Kampung Sungai Haji Muhammad
R 19		Kampung Selekoh
R 20		Kampung Tebuk Bengkang
R 21		Kampung Sungai Batang
R 22		Kampung Rungkup Kechil
R 23		Kampung Sungai Tiang Baroh
R 24		Kampung Sungai Belukang
R 25		Kampung Sungai Nipah Darat
R 26		Kampung Sungai Lanchang
R 27		Kampung Sungai Tiang Darat
R 28		Kampung Batu 20
R 29		Kampung Bagan Sungai Belukang
R 30		Kampung Bagan Lipas
R 31		Kampung Bagan Sungai Tiang
R 32	Bagan Datuk	Kampung Pasang Api
R 33		Kampung Teluk Penikam
R 34		Kampung Bagan Sungai Burung
R 35		Kampung Matang Kunda
R 36		Kampung Sungai Balai Darat
R 37		Kampung Sungai Pergam
R 38		Kampung Sungai Betul
R 39		Kampung Sungai Nipah Baroh
R 40		Kampung Tanah Lalang
R 41		Kampung Kebun Sayur
R 42	Teluk Bharu	Kampung Badri, Batu 13
R 43		Kampung Baru, Batu 16
R 44		Kampung Tapak Semenang
R 45		Kampung Sungai Ipil / Batu 8
R 46		Kampung Tebing Rebak
R 47		Kampung Sungai Dulang Dalam
R 48		Kampung Tanjung Sari
R 49		Kampung Teluk Bharu, Teluk Bharu

Borang temu bual terdiri daripada empat bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, dan Bahagian D. Bahagian A adalah berkaitan latar belakang responden manakala Bahagian B pula mengenai PAMS yang terdapat di kawasan responden. Bahagian C adalah mengenai status PAMS di kawasan responden yang dibahagi kepada dua bahagian. Bahagian C1 adalah kategori PAMS yang dirangkumkan sekali yang terdiri daripada binaan balairaya, dewan orang ramai, dewan terbuka dan dewan serbaguna. Bahagian C2 pula adalah kategori PAMS yang dirangkumkan sekali yang terdiri daripada binaan masjid, surau dan tapak perkuburan. Soalan Bahagian D pula berkaitan pendapat responden bagi memberi cadangan menyelesaikan isu PAMS kerajaan yang dibina di atas tanah milik. Semasa sesi temubual berstruktur dijalankan, pengkaji mendapat bantuan penghulu kampung dari Mukim Bagan Datuk, Rungkup, Hutannya Melintang dan Teluk Bharu untuk mengagihkan borang temu bual kepada daripada wakil JSPK / JPCK di dalam setiap kampung di bawah seliaan mereka. Kaedah temu bual telah dijalankan selama dua hari iaitu pada 18 dan 19 Januari 2021. Pengkaji mendapat bantuan daripada Penghulu-penghulu mukim sepanjang sesi temubual dijalankan. Contoh Borang Temu Bual ini adalah seperti di Lampiran D.

b) Data Sekunder

Data sekunder adalah data sedia ada yang dikumpul oleh individu lain sebelum ini. Pengkaji membuat pencarian dan pengumpulan data-data tersebut untuk memahami dengan lebih lanjut kajian yang ingin dijalankan. Selain itu, pengkaji juga menggunakan data tersebut bagi menjawab persoalan dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan data sekunder berbentuk tulisan seperti jurnal, buku, laporan, dokumen dan internet.

i. Kajian kepustakaan (Pembacaan bahan ilmiah)

Pengkaji telah melayari beberapa laman web seperti *Google Scholar* dan *Science Direct* untuk mencari bahan kajian lepas yang bersesuaian dengan kajian ini. Maklumat daripada kajian-kajian lepas dijadikan panduan untuk memilih kaedah-kaedah yang sesuai digunakan dalam kajian ini. Kajian lepas akan dimasukkan di dalam bab kedua iaitu kajian literatur.

ii. Jabatan Kerajaan

Terdapat beberapa laman web rasmi jabatan kerajaan yang digunakan untuk mencari maklumat mengenai kajian ini. Antaranya adalah laman web KPLB, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, serta PTG Pulau Pinang. Antara yang maklumat yang diperolehi adalah mengenai definisi dan kategori tanah, isu pertikaian PAMS dan kawasan kajian. Di samping itu, pengkaji juga turut memperolehi maklumat daripada PDT Bagan Datuk seperti ahli JSPK dan JPKK bagi setiap kampung-kampung serta senarai projek PAMS di Daerah Bagan Datuk.

1.7.1.4 Peringkat 4: Analisis Data

Peringkat ini adalah melibatkan proses-proses menganalisis data dan maklumat yang telah diperolehi daripada data primer dan data sekunder. Berdasarkan kepada Kamus Dewan Edisi Keempat, analisa merujuk kepada proses menghurai atau kupasan sesuatu perkara untuk memahaminya secara lebih terperinci. Terdapat tiga proses dalam menganalisis data iaitu penyaringan data, persembahan data dan penulisan kesimpulan. Teknik penganalisaan data yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis deskriptif iaitu merujuk kepada penggunaan paparan atau gambaran yang diikuti dengan penjelasan secara terperinci.

Data primer yang diambil dari kaedah temu bual berstruktur dan temubual tidak berstruktur. Data akan dihurai dan diterangkan menggunakan jadual, grafik, rajah dan lain-lain seperti *histogram graph* dan *pie chart*. Analisis data kajian yang dilaporkan secara jelas dan kemas akan membantu pembaca memahami dan menghayati hasil kajian dengan lebih mudah. Analisis data sekunder pula melibatkan analisis menggunakan bahan media cetak seperti jurnal, tesis, akhbar, minit mesyuarat dan dokumen. Selain itu, data sekunder juga dapat dijadikan panduan oleh pengkaji dalam membuat rumusan dan analisa bagi menghasilkan cadangan kajian. Tambahan pula, penemuan kajian lepas juga mungkin akan membantu pengkaji melihat

persamaan atau perbezaan bagi hasil yang diperolehi dalam kajian ini. Data tersebut akan digunakan untuk mencapai objektif dan menjawab persoalan kajian ini.

Pengkaji juga telah memilih reka bentuk kajian kualitatif untuk menganalisis data primer yang telah diperolehi. Terdapat beberapa kelebihan penggunaan kaedah kualitatif dalam sesuatu kajian terutamanya dalam memberi penerangan peristiwa secara terperinci tanpa sebarang keraguan kerana data yang diperolehi tidak dapat dimanipulasi. Menurut Azwita Usman (2010), terdapat beberapa ciri kajian kualitatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.5.

Jadual 1.5 Ciri-Ciri Kajian Kualitatif

Perkara	Kualitatif
Bentuk data	Data yang direkod sama ada dalam bentuk perkataan atau ayat yang dikumpul melalui kaedah temu bual atau direkod dalam format gambar atau audio video.
Instrumen kajian	Pengkaji merupakan instrumen paling penting dalam memungut data dan perlu mengkaji, mendengar serta memerhati fenomena yang ingin dikaji
Reka bentuk kajian	Reka bentuk kajian adalah bersifat mudah lentur atau fleksibel serta iaya boleh diubahsuai berdasarkan kepada keadaan dan keperluan situasi
Responden	Maklumat kajian adalah diperolehi secara langsung daripada responden kajian
Metodologi kajian	Saiz sampel adalah lebih kecil dan dipilih secara bertujuan serta tidak berasaskan kebarangkalian.

Sumber: Olahan Pengkaji (2021)

1.7.1.5 Peringkat 5: Kesimpulan dan Cadangan

Pada peringkat kelima ini, pengkaji akan membuat rumusan terhadap hasil kajian secara keseluruhan. Pengkaji turut menyediakan beberapa cadangan kajian yang bersesuaian untuk digunakan bagi kajian pada masa akan datang. Hasil kajian juga akan dibincangkan secara terperinci dalam bab kesimpulan.

1.8 Susun Atur Bab

Kajian ini mempunyai lima (5) peringkat utama yang diperlukan bagi menyiapkan keseluruhan kajian ini secara tersusun dan teratur. Berikut adalah peringkat kajian yang dijalankan:

1.8.1 Bab Satu

Peringkat ini adalah peringkat mengenalpasti isu utama berhubung tajuk kajian bagi mendapatkan gambaran sebenar kajian yang akan dibuat. Perkara-perkara yang dimasukkan di dalam bab ini ialah pengenalan, pernyataan masalah, pembentukan matlamat, objektif, kepentingan kajian dan susunatur bab.

1.8.2 Bab Dua

Peringkat ini akan menerangkan satu kajian literatur. Peringkat ini juga merupakan peringkat pengumpulan maklumat dan data yang diperoleh dari pelbagai sumber yang sah. Kupasan mengenai kajian-kajian lepas yang dibuat oleh penyelidik terdahulu turut diterangkan bagi menyokong kajian yang dilakukan dan mendapatkan maklumat tambahan. Dalam bab ini juga diterangkan mengenai punca kuasa bagi tatacara pelaksanaan PAMS di peringkat Kementerian, negeri atau daerah. Definisi-definisi yang berkaitan turut diperjelaskan supaya maksud sebenar setiap definisi tersebut dapat difahami.

1.8.3 Bab Tiga

Peringkat ini akan menerangkan kawasan kajian iaitu PDT Bagan Datuk. Struktur organisasi, peranan dan fungsi di PDT Bagan Datuk terutamanya Unit PLB, PDT Bagan Datuk akan diterangkan dengan menyeluruh dan pengurusan pembinaan

RUJUKAN

- Abdul Malik, A. B, (2012) Comparative Study on Management of Waqf Land, unpublished Degree Dissertation, Universiti Teknologi MARA, Malaysia.
- Abdullah, A. (2006) Pembangunan Tanah Wakaf: Prospek Dan Strategi, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU). Universiti Teknologi MARA, Malaysia
- Andersen, K. E. 2011. Communal Tenure And The Governance Of Common Property Resources In Asia, (April).
- Anthony Williams-Hunt, 2005. Bengkel Membincang Pindaan Akta 134. Port Dickson 2011
- Azwita Usman (2010) Kajian Kualitatif, Kuantatif dan Gabungan. deitaz.blogspot.my/2010/08/kajian-kualitatif-kuantitatif-dan.html
- Beh, S. H. (2014). Kajian persepsi ke atas kemudahan ameniti di kawasan perumahan kos rendah: Kajian kes di Negeri Pulau Pinang (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).
- Hamid, N. A., Harun, N., & Ismail, N. (2011). Pengambilan tanah bagi pembangunan ekonomi : Isu dan penyelesaian. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 15, 135-148.
- Harun, R., Mohamed Isa, Z., Ali, N. (2012) Preliminary Finding on Waqf Management Practices among selected Muslim Countries, Proceedings of 2012 International Conference on Economics Marketing and Management IPEDR Vol 28. LACSIT Press, Singapore.
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(2), 17-24.
- Hussin, R & Rashid, R. A. (2015). Isu-isu berkaitan tanah wakaf halangan kepada pembangunan institusi wakaf pendidikan tinggi di Malaysia. *Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ) Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi Mara.*
- Ihsan, H.; Mohamed Ibrahim, S. H. (2011) Waqf accounting and management in Indonesian Waqaf Institution. *Humanaomics*. 27(4), 252-269.

- Laman Blog Dawai Besi. (2020). Geran Kongsi Serta Risiko Bagi Geran Kongsi. Retrieved from <https://www.dawaibesi.com/2018/05/geran-kongsi-serta-risiko-bagi-geran.html>
- Laman Web Harian Metro. (2019). Penduduk Perlu Bersemuka Dengan Tuan Tanah. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/01/417715/penduduk-perlu-bersemuka-dengan-tuan-tanah>
- Laman Web Rasmi Majlis Agama Islam Pulau Pinang. (2020). Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT). Retrieved from <https://www.mainpp.gov.my/index.php/nota-kursus-latihan/category/4-tanah?download=51:pengenalan-kepada-akta-pengambilan-tanah-1960>
- Laman Web Rasmi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). (2020). Garis Panduan 4: Pengurusan Dewan Orang Ramai. Retrieved from <https://www.mbsp.gov.my/brgonline/garis-panduan/kemasyarakatan/dewan-ramai.pdf>
- Laman Web Selangor Kini. (2016). BN Selangor Didakwa Salah Guna Dewan Orang Ramai. Retrieved from <https://selangorkini.my/2016/08/bn-selangor-didakwa-salah-guna-dewan-orang-ramai/>
- Laman Web Sinar Harian. (2020). Laman Web Sinar Harian. (2020). Nama Saja Dewan Orang Ramai, Tapi Tidak Ramai Boleh Guna. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/39061/BERITA/Politik/Isu-dewan-Tak-timbul-salahguna-kuasa-penyelewengan-1.39061>
- Laman Web Sinar Harian. (2020). Nama Saja Dewan Orang Ramai, Tapi Tidak Ramai Boleh Guna. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/38771/EDISI/Perak>Nama-saja-dewan-orang-ramai-tapi-tidak-ramai-boleh-guna>
- Majid, R. A., & Said, R. (2014). Permasalahan pengurusan hartanah wakaf di Malaysia. *International Surveying Reserach Journal*, 4(1), 29-43.
- Muhammad, N.; Mukhtar, (2006) Pembangunan Tanah Wakaf: Prospek Dan Strategi. Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Malaysia.
- Noor Ashikin Hamid, Noraida Harun & Nazli Ismail. 2011. Pengambilan Tanah bagi Pembangunan Ekonomi: Isu dan Penyelesaian. *Jurnal Undang-Undang & Masyarakat*. 135-148.
- Noor Inayah Yaakob. (2014). Mencorakkan Kejayaan Wakaf Pendidikan. *Utusan Malaysia*, 13 Jun.
- Piaw, C. Y. (2014). *Kaedah Penyelidikan (Vol. Edisi Ketiga)*.

- Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2002). Laporan daripada Bahagian Penyelidikan JAKIM. Retrieved from <http://www.ikim.gov.my/wp-newest/wpcontent/uploads/2-17/01/Laporan-Tahunan-2002.pdf>
- Portal Rasmi Kementerian Pembangunan Luar Bandar. (2020). Latar Belakang Pembangunan Luar Bandar. Retrieved from <https://www.rurallink.gov.my/latar-belakang-pembangunan-luar-bandar/>
- Portal Rasmi Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. (2020). Fakta Tanah. Retrieved from <http://www.ketsa.gov.my/ms-my/tanah/Pages/default.aspx>
- Portal Rasmi Pejabat Tanah Dan Galian Pulau Pinang. (2020). Tanah. Retrieved from <http://ptg.penang.gov.my/index.php/en/extensions13/glossary-ptgpp/T>
- Salleh Buang. 2003. Kanun Tanah Negara 1965 dan Pelbagai Undang-Undang Berkaitan Tanah: Satu Tinjauan. 98–112.
- Sallehuddin Ishak. (2013). Kuasa Menghurai Model Goodchild Dan Munton (1986) Dan Van Assen (2009) Dalam Masalah Pembangunan Tanah Wakaf Di Malaysia, *Jurnal Pentadbiran Tanah*, Jilid 3 Bil 1, ms. 1 – 24.
- Sayuti Ab Ghani, Mohd Hamran Mohamad, Hasan Al-Banna Mohamed, B. A. G. & C. Z. I. (2011). Amalan Pendaftaran Tanah Wakaf: Satu Kajian Kes Di Bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia. Dalam *International Conference 2011: Future Education in Global Challenges (ICETA 3)*.
- Shakrani, M. S. (2019). Tinjauan Isu-Isu Yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 11(2), 73-98
- Suki Mee & Yahaya Ibrahim. 2009. Komuniti Pembangunan & Transformasi. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal Abidin, Z. Z., & Ta Wee, S. (2013). Isu konflik tanah adat bagi Orang Asli di Malaysia.